

# Jangan putar belitkan tajuk berita, kata Ismail

NST 16.12.15 8

KOTA KINABALU: Pesta Krismas Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun 2015 yang diadakan pada 13 Disember 2015 telah dapat dianjurkan dengan baik dan disambut dengan meriah dan dalam keadaan harmoni.

Pesta ini bukan sahaja dihadiri oleh pelajar-pelajar UMS tetapi juga turut dihadiri oleh orang awam di sekitar Kota Kinabalu dan telah dirasmikan sendiri oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, kata Timbalan Naib Canselor UMS Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan hal-hewah pelajar dan alumni di UMS.

Ismail berkata demikian sebagai mengulas tajuk laporan sebuah akhbar tempatan yang menyatakan "No UMS X'Mas

Carnival Again".

Menurut Ismail, tajuk kenyataan akhbar berkenaan adalah tidak tepat, tidak beretika dan boleh menimbulkan salah tafsir dalam kalangan rakyat.

Menurut Ismail lagi, pihak pengurusan UMS tidak pernah menghalang pesta ini dianjurkan di dalam UMS seperti mana dengan pesta-pesta kebudayaan yang lain seperti sambutan Hari Deepavali, Pesta Angpow, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, dan sebagainya.

Ismail berkata pada tahun 2014 Pesta Krismas UMS telah diadakan dengan penuh meriah di dalam UMS dan pada tahun 2015 ini, juga sepatutnya diadakan di dalam UMS. Namun demikian disebabkan masalah teknikal yang dihadapi oleh pi-

hak penganjur di saat-saat akhir maka jawatankuasa penganjur pesta ini telah memutuskan sendiri untuk membuatnya di luar UMS.

"Sebagai tanda sokongan padu kepada pesta ini, Naib Canselor UMS sendiri telah meluluskan peruntukan tambahan kepada penganjur termasuk menambahkan bilangan bas dengan harapan pesta ini dapat diadakan dengan jayanya," tegasnya.

Bagi pihak pengurusan UMS, Ismail menyarankan supaya wartawan yang membuat laporan akhbar berhubung Pesta Krismas UMS 2015 ini agar tidak mementingkan populariti akhbar dengan memainkan isu-isu sensitif tetapi seharusnya lebih bertanggungjawab dan mengutamakan keharmonian dan perpaduan dalam



kalangan rakyat di negara ini dalam aspek pelaporan berita.

Ismail juga amat berterima kasih kepada Datuk Seri Wilfred Madius Tangau yang sentiasa memberi komitmen penuh kepada UMS dalam penganjuran Pesta Krismas dan mengambil perhatian penuh dalam pembangunan UMS.